



Irsyad Hukum

PANDUAN AZAN UNTUK PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI MASJID / SURAU JUMAAT SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Sehubungan dengan kebenaran solat Jumaat di Masjid dan Surau Jumaat dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 29 Ramadan 1441H bersamaan 22 Mei 2020, Jabatan ini menyarankan azan yang dilaungkan untuk pelaksanaan solat Jumaat hendaklah dilaksanakan sebagaimana berikut;

1. Azan pertama apabila masuknya waktu zuhur dilaungkan dengan **menggunakan pembesar suara luar** dengan lafaz gantian seruan *hai'alatain* (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) kepada (صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ) seperti berikut;

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ،
صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ، صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

2. Manakala untuk azan kedua apabila khatib telah berada di atas mimbar, laungan azan dilakukan dengan **menggunakan pembesar suara dalam sahaja** dengan lafaz azan seperti biasa, iaitu;

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ،
حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ،
حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

3. Sehubungan dengan itu juga, penyampaian khutbah dan bacaan imam ketika pelaksanaan solat Jumaat hendaklah **menggunakan pembesar suara dalam sahaja**.

Diterbitkan oleh;

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

19 Mei 2020 / 26 Ramadan 1441